

05/12/2000

Syarikat gergasi sertai MSC beri manfaat

KUALA LUMPUR, Isnin - Syarikat tempatan turut meraih faedah hasil kesan sampingan kewujudan syarikat gergasi antarabangsa dalam Koridor Raya Multimedia (MSC), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, kata Perdana Menteri, beberapa syarikat tempatan juga menyumbang kepada pembangunan penggunaan teknologi maklumat (IT) serta membantu MSC mendahului sasaran yang ditetapkan.

"Memang ada kesan sampingan. Malah, mereka (syarikat tempatan) juga memajukan sistem yang boleh diguna pakai di Malaysia.

"Banyak inkubator di MSC yang berjaya dalam mencipta pelbagai perisian komputer dan penyelesaian, termasuk sesuai untuk aplikasi perniagaan," katanya selepas melancarkan perkhidmatan Arcnet NTT MSC Sdn Bhd di sini hari ini.

Arcnet, keluaran NTT MSC, dibangunkan di Cyberjaya yang menawarkan pelbagai perkhidmatan akses internet dan penyelesaian perniagaan elektronik kepada perbadanan multinasional, industri kecil dan sederhana serta individu.

Dr Mahathir juga berpuas hati dengan tahap penyertaan syarikat asing dalam MSC.

Terdahulu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata masa depan bagi teknologi maklumat di Malaysia adalah cerah dan yakin MSC akan berjaya.

Katanya, syarikat asing akan mendapati MSC sebagai pusat yang berguna untuk menjalankan penyelidikan dan bagi operasi mereka serta bagi menguji produk masing-masing.

Dr Mahathir juga berkata syarikat besar yang mampu menjalankan penyelidikan mestilah mempunyai penyelesaian yang memudahkan perniagaan mengguna pakai teknologi maklumat.

"Kita lihat semakin banyak seperti ini berlaku, dan di Malaysia kita telah mengeluarkan lesen untuk pembekal-pembekal penyelesaian seperti ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, NTT adalah antara syarikat asing pertama menerima lesen itu dan pembangunan Arcnet akan membantu perniagaan Malaysia berprestasi cemerlang.

Katanya, meskipun penggunaan Internet di Malaysia tidaklah sebesar mana buat masa sekarang, kadar pertumbuhannya adalah tinggi iaitu berganda hampir setiap tahun.

Pada 1996, ada 90,000 pengguna Internet di Malaysia tetapi hari ini angka itu berkembang kepada melebihi satu juta pengguna.

"Saya pasti dengan kadar pertumbuhan ini, mana-mana syarikat yang menyediakan perkhidmatan yang diperlukan akan meraih keuntungan besar," katanya.

Beliau juga berkata, Malaysia banyak berhutang budi kepada NTT Communications Corp (syarikat induk NTT MSC) yang merupakan satu daripada penyokong kuat projek MSC.

Katanya, langkah dan tindakan NTT itu menggalakkan syarikat terkemuka dunia yang lain untuk datang ke Malaysia.

(END)